

7,597 graduan UJPM dirai



**Naib Canselor UPM
Prof. Datuk Dr. Nik
Mustapha R. Abdullah**

‘ Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan di atas kejayaan yang diperolehi pada hari ini. Kejayaan ini sudah tentu memberi makna yang amat besar kepada diri para graduan dan keluarga. Setelah bergelar graduan, anda kini adalah merupakan alumni UPM. Anda mempunyai tugas dan tanggungjawab yang besar untuk menerajui cabaran dalam mendepani era globalisasi yang serba kompetitif dan merentas sempadan antara-bangsa. Ingatlah bahawa khazanah ilmu yang diperolehi di universiti ini bukan untuk disimpan tetapi perlu diamal, diaplikasikan dan ditambah demi membawa pembaharuan dan kemajuan yang lestari kepada bangsa dan negara. Para graduan perlu bijak meneroka peluang dalam apa jua bidang diceburi, bijak berfikir, melahirkan idea yang bernas, berjiwa masyarakat, mempunyai jati diri dan memiliki personaliti unggul. Dengan demikian anda berupaya memimpin masyarakat dan negara untuk mencapai



KEGEMBIRAAN jelas terpancar pada wajah graduan UPM setelah berjaya menamatkan pengajian dan menggenggam ijazah.

SETELAH berhempas pulas melalui pelbagai cabaran di kampus selama hampir empat tahun demi menuntut ilmu, sudah tentu majlis konvokesyen menjadi hari yang begitu bermakna. Pasti raut wajah penuh kepuasan tanda meraikan kegembiraan terpamer pada setiap graduan. Ia menandakan jejak dan kembara ilmu yang tidak pernah surut.

Universiti Putra Malaysia (UPM) buat kali ke-33 meraikan 7,513 graduan dalam Majlis Konvokesyen gilang-gemilang yang diadakan selama empat hari bermula 8 hingga 11 Ogos 2009 bertempat di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Falsafah (PhD), Ijazah Sarjana (Master) 1,072, Bachelor (5,984) dan Diploma (400).

Lebih bermakna, pada tahun ini, UPM menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pertanian kepada bekas Perdana Menteri kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi atas sumbangannya memajukan dan mengangkat martabat sektor pertanian hingga menjadi antara penyumbang utama ekonomi negara.

Sebagai menghargai jasa dan bakti sumbangan dalam dunia akademik, UPM turut mengurniakan Anugerah Profesor Emeritus kepada Datuk Ir. Dr. Muhamad Zohadie Bardaie dan Prof. Dr. Muhamad

yaksikan 33 graduan sulung program Bachelor Sains Dietetik dan dua graduan Bachelor Sains Teknologi Kayu menerima ijazah masing-masing pada hari yang cukup bersejarah itu.

Tuanke Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mengurniakan PhD, Master, Bachelor dan Diploma kepada graduan pada hari pertama konvokesyen (sesi pertama).

Majlis pengurniaan ijazah yang melibatkan lapan sesi selama empat hari itu turut disempurnakan oleh dua Pro Canselor UPM iaitu Tan Sri Dr. Nayan Arifin pada sesi kedua, keempat, kelima dan kela-

Lapan sesi konvokesyen

8 Ogos 2009

Sesi pertama
462 graduan

Sesi kedua
855 graduan

9 Ogos 2009

Sesi ketiga
1,100 graduan

Sesi keempat
1,094 graduan

10 Ogos 2009

Sesi kelima
852 graduan

Sesi keenam
1,075 graduan

11 Ogos 2009

Sesi ketujuh
1,083 graduan

Sesi kelapan
1,076 graduan

